



AMERIKA SYARIKAT

PEMBENTUKAN
NEGARA BANGSA

SHAKILA YACOB



PRAKATA

Sememangnya kini merupakan masa yang paling sesuai untuk menerbitkan sebuah buku tentang sejarah Amerika Syarikat. Hingga kini, masyarakat Malaysia tidak banyak terdedah kepada masyarakat Amerika Syarikat walaupun filem keluaran Amerika Syarikat telah ditayangkan di negara ini sejak awal abad ke-20. Namun, pemahaman masyarakat negara ini berkenaan budaya orang Amerika masih tidak mendalam.

Situasi di Malaysia bertambah baik sejak kebelakangan ini apabila semakin banyak majalah keluaran Amerika Syarikat diedarkan di Malaysia dan ramai pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat. Namun tidak banyak sumbangan yang diberikan oleh masyarakat Malaysia sekembalinya mereka ke tanah air. Hampir tiada buku yang ditulis oleh mereka tentang Amerika Syarikat walaupun dari semasa ke semasa terdapat sistem tertentu yang diamalkan tetapi biasanya yang lebih diutamakan adalah bentuk dan bukan jiwa.

Sejak Perang Dunia Pertama, Amerika Syarikat semakin dominan dalam semua aspek kehidupan. Kini, sebilangan besar disiplin akademik menggunakan metodologi yang dicipta oleh Amerika Syarikat dan buku rujukan yang diterbitkan di Amerika Syarikat semakin meluas digunakan di seluruh dunia.

Oleh yang demikian, antara soalan yang perlu dijawab ialah mengapakah Amerika begitu unggul sebagai sebuah kuasa besar dunia. Penulis buku ini, Shakila Yacob secara langsung atau tidak langsung cuba menjawab soalan ini dengan menggalurkan perkembangan masyarakat Amerika Syarikat sejak sebelum wujudnya Amerika Syarikat sebagai sebuah negara bangsa hingga kini.

Buku ini bukan hanya cuba menjawab soalan apa yang telah berlaku tetapi bertujuan membantu masyarakat Malaysia memahami minda masyarakat Amerika Syarikat. Historiografi bukan hanya kisah yang menarik, setiap peristiwa atau perkembangan mempunyai makna yang mendalam. Maklumat yang terkandung dalam setiap buku sejarah harus dianalisis dan ditafsir agar para pembaca memperoleh faedah yang boleh digunakan sebagai prinsip dalam kehidupan masing-masing.

Penulis buku ini ialah seorang lulusan dari Universiti Malaya dalam bidang Pengajian Asia Tenggara dan melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat, justeru itu telah bergaul dengan masyarakat Amerika Syarikat dan juga telah membiasakan diri dengan sistem pendidikan Amerika

Syarikat. Kini beliau bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Malaya, dan di samping itu telah menamatkan ijazah kedoktoran di Britain. Pengalaman luas inilah yang mendorong beliau untuk menghasilkan buku ini yang sesuai dibaca oleh pelajar yang mengikuti kursus sejarah ataupun pembaca umum.

Buku ini merupakan persepsi penulis terhadap masyarakat Amerika Syarikat. Besar kemungkinan aspek tersebut menjadikan buku ini lebih bermakna untuk masyarakat Malaysia khususnya mereka yang sama sekali tidak mempunyai pengetahuan tentang Amerika Syarikat. Bagi mereka yang ingin mendalami pengetahuan tentang Amerika Syarikat, perlu lebih banyak membaca buku lain tetapi apabila sudah ada pengetahuan asas maka lebih mudah untuk mereka mendapat persepsi yang agak kukuh.

Perkembangan dunia kini menuntut masyarakat Malaysia meluaskan pengetahuan mereka. Jati diri perlu dikekalkan bagi memastikan masyarakat Malaysia terus bertahan dalam dunia yang semakin mencabar.

Prof. Emeritus Dato' Dr. Khoo Kay Kim

Jabatan Sejarah
Universiti Malaya

BAB PENGENALAN

SATU DARIPADA

PELBAGAI

Amerika Syarikat, (selepas ini Amerika), sebuah negara pelbagai etnik, sehingga hari ini, masih lagi menghadapi kesukaran dalam merealisasikan kesempurnaan yang terbayang dalam motonya *e pluribus unum* – satu daripada pelbagai (*one out of many*). Sehingga kini, masih ada permasalahan etnik yang sukar diselesaikan walaupun berbagai usaha telah dijalankan oleh negara Amerika sejak peringkat awal pembentukan negara bangsanya untuk mewujudkan sebuah masyarakat pelbagai etnik yang harmonis. Kesukaran ini jelas terbayang dalam demonstrasi, rusuhan, keganasan dan pembunuhan yang berlaku berasaskan perkauman sejak awal penubuhan negara Amerika hinggalah kini. Sepanjang tempoh ini, usaha telah dijalankan oleh kerajaan dan masyarakat Amerika ke arah pembentukan suatu budaya sivik yang membenarkan dan melindungi amalan kepelbagaian etnik dan agama berdasarkan hak individu. Usaha ini diharapkan dapat mengelak dan mengurangkan konflik yang berlaku antara kumpulan etnik, agama dan bangsa yang pelbagai. Budaya sivik inilah yang diharapkan dapat menyatukan dan melindungi kebebasan rakyat Amerika.¹

Namun, segala usaha ke arah pemupukan ini terancam pasca 11 September 2001. Dalam usaha membendung keganasan, pelbagai akta telah diperkenalkan oleh kerajaan Amerika yang secara nyata melanggar hak asasi rakyatnya. Hak asasi yang diperjuangkan oleh bapa-bapa kemerdekaan Amerika sebelum ini sebagaimana tercatat dalam Perlembagaan Amerika telah dilanggar.² Jelaslah dari dahulu hingga kini, permasalahan etnik ini begitu sukar ditangani. Persoalan ini akan

- 1 Bacaan lanjut, sila rujuk, Lawrence H. Fuchs, 1995. *The American Kaleidoscope: Race, Ethnicity, and the Civic Culture*. Hanover, New England: Wesleyan University Press.
- 2 Antara akta yang diperkenalkan ialah Akta Anti-Keganasan 2001 (Anti-Terrorism Act of 2001) dan Akta Patriot USA 2001 (2001 USA Patriot Act). Kedua-dua akta ini memberikan hak kepada kerajaan Amerika untuk menahan sesiapa sahaja sebelum ia dibuktikan bersalah. Ini jelas melanggar Pindaan ke-IV, Perlembagaan Amerika. Bagi rujukan lanjut mengenai sejarah imigrasi rakyat Muslim Amerika, sila rujuk, Shakila Yacob, 2000. "Muslim di Amerika Syarikat: Suatu Perspektif Sejarah", dlm. *Manusia & Masyarakat*, Jil. 12, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, hlm. 121–38.

dikupas dengan meneliti sejarah imigrasinya kerana kewujudan kepelbagaian dalam masyarakat Amerika dan permasalahan yang timbul dapat dijejaki daripada sejarah imigrasi negaranya. Ini disokong dengan pernyataan Oscar Handlin, *“Once I thought to write a history of the immigrants in America. Then I discovered that the immigrants were American history”*.

Pada peringkat awal, Amerika sering digambarkan sebagai tanah harapan yang menjanjikan kekayaan yang tidak terhingga kepada sesiapa sahaja yang berani menerokanya. Columbus, umpamanya, mengibaratkan benua Amerika (Dunia Baharu) sebagai syurga di bumi. Amerika terus menjadi tumpuan imigran yang tertarik dengan ciri-ciri budaya sivik serta sistem demokrasi yang menjanjikan kebebasan sepenuhnya. Kepelbagaian budaya serta asas pemerintahan sistem demokrasi ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan unik.

Era Kolonial Amerika

Pengembara Sepanyol merupakan antara pengembara yang terawal datang ke “Dunia Baharu” ini, diikuti pengembara Perancis, England, Belanda dan Portugal. Kedatangan mereka mempunyai niat sekular serta niat keagamaan iaitu untuk meluaskan empayar dan mencari kekayaan serta menyebarkan agama Kristian. Kedatangan orang Eropah ini selari dengan perkembangan ekonomi, politik dan keagamaan serta yang paling penting inovasi dalam teknologi pelayaran. Menjelang tahun 1620, Sepanyol, Perancis dan England muncul sebagai kuasa Eropah yang paling penting di benua Amerika. Persaingan mereka untuk menjajah dan mengeksploitasi benua tersebut menyebabkan penduduk peribumi Amerika (*American Indians*) terpinggir sehingga kadangkala menimbulkan pertentangan.

Dari tahun 1620–1763, beribu-ribu penduduk Eropah terutamanya penduduk Inggeris dari England mula meninggalkan negara asal mereka menuju ke Amerika. Peneroka awal ini mengalami pelbagai penderitaan dan rintangan disebabkan kekurangan makanan, wabak penyakit dan kadangkala berlaku pertentangan dengan peribumi Amerika. Namun, jumlah penduduk di benua ini tetap bertambah dan menjelang tahun 1760, jumlahnya meningkat kepada 1.5 juta orang.³ Orang Inggeris merupakan penyumbang terbesar imigran di Amerika dan berjaya mengalahkan perintis dari Sepanyol dan Portugal.

3 Charles M. Dollar dan Gary W. Reichard (eds.), 1994. *American Issues: A Documentary Reader*. New York: McMillan, hlm. 19.

AMERIKA SYARIKAT

PEMBENTUKAN
NEGARA BANGSA

Tema utama buku ini merujuk pada konflik dan kesinambungan yang dilalui oleh negara Amerika Syarikat dan bagaimana kedua-dua aspek ini serta usaha menanganinya telah meninggalkan kesan dalam proses pembentukan sebuah negara bangsa dan keperibadian rakyat Amerika Syarikat. Kesan daripada keadaan itulah yang menjadikan Amerika Syarikat muncul sebagai sebuah kuasa besar dunia.

Buku ini dipersembahkan mengikut kronologi dan merangkumi peristiwa penting dari zaman penjajahan British hingga Perang Dunia Kedua.

Buku ini sesuai dijadikan bahan rujukan pelajar di pusat pengajian tinggi yang mengikuti kursus Sejarah Amerika Syarikat dan Hubungan Antarabangsa, dan juga pembaca umum yang berminat untuk mengetahui tentang sejarah sebuah negara yang pada era globalisasi ini telah meninggalkan kesan penting dalam segala aspek kehidupan manusia sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial.

ISBN 983-62-7715-3

